

MAJALAH EKONOMI & KEWANGAN ISLAM

اقتصاد

# Iktisad



Kotak pen berslut perak dan emas ditemui di barat Iran bertarikh 1281M/680H.

BIL 14 • 2009 • RM5.50  
• PP13632/03/2010 (023724)


## HALALKAH pinjaman peribadi?



NYMBAH  
BP  
173.75  
IIGY

SAN  
NAN

CABARAN  
MENJADI  
KOPERASI  
ISLAM  
TERUNGGUL



PENGAMAL  
RASUAH  
PENGKHIANAT  
NEGARA



SEBUAH TERBITAN  
YAYASAN MIISI IMINI MAI AVOCI

# Halalkah Penalti di Bank Islam?

Ditulis Oleh ZAHARUDDIN ABD RAHMAN

**D**ALAM praktis perbankan Islam mereka turut mengenakan sejumlah wang sebagai ganti rugi atau seperti denda, jumlah ini sebenarnya dianggap sebagai bayaran kos rugi (ta'widh atau compensation) yang dihadapi oleh bank akibat pelanggan tidak membayar hutangnya kepada bank dalam waktu yang telah dijanjikan. Pembaca perlu membezakan bayaran ganti rugi yang dikenakan oleh bank-bank Islam dengan penalti oleh bank konvensional.

Ganti rugi atau 'compensation' yang dikenakan oleh bank Islam adalah terhasil daripada proses jual beli dengan bayaran ansuran yang dijanjikan pada waktunya. Manakala penalti bank konvensional adalah hasil daripada kontrak pinjaman semata-mata.

Para ulama kontemporari terbahagi kepada tiga kumpulan menentukan hukum penalti akibat lewat pembayaran hutang sebagaimana yang terdapat di bank-bank Islam. Ringkasnya seperti berikut:

## **Kumpulan Pertama: Harus dikenakan penalti dalam bentuk wang**

Mereka seperti Syeikh Mustafa Az-Zarqa, Syeikh Muhammad Sadiq Ad-Dharir, Sheikh Abdullah Bin Mani, Majlis Penasihat Syariah Bank Islam Jordan, dan Fatwa Persidangan Dallah Al-Barakah [1] dan majoriti Majlis Syariah di bank-bank Islam di Malaysia.

Menurut kumpulan ini wang penalti itu pula boleh dimanfaatkan oleh bank Islam. Keharusan ini berdasarkan beberapa hujjah antaranya:

- "Maslahat Mursalat" dan tindakan mengenakan ganti rugi ini adalah harus bagi menyekat orang

ramai mempermainkan bank-bank Islam dengan sengaja tidak membayar atau melewati bayaran walaupun ketika mempunyai wang. Ia dinamakan muma'til yang disebut oleh Nabi s.a.w.:

"Penangguhan sengaja (daripada membayar hutang) oleh orang yang berkemampuan adalah satu kezaliman." (*Riwayat Al-Bukhari, no 2167, 2/799*)

"... bagi orang berkemampuan dan melewati hutang adalah zalim, halal ke atas mereka hukuman." (*Abu Daud, An-Nasaie, Ibn Hibban: Sohih*)

Kedua-dua hadis ini menunjukkan haram hukumnya melewati pembayaran hutang bagi mereka yang ada kemampuan.

- Qiyas kepada hukuman terhadap perampas harta orang lain. Sekiranya terdapat seorang mencuri atau merampas atau enggan memulangkan harta mangsa yang disimpannya, mangsa diberi hak untuk mengambil mana-mana harta pencuri, perampas atau penyimpan bagi mengembalikan haknya yang dicabuli. Mereka juga bertanggungjawab atas harta mangsa sepanjang tempoh tersebut, justeru sebarang kerugian yang ditanggung oleh mangsa turut akan dituntut dari pencuri, perampas dan penyimpan.

Hal ini dikira sama dengan pelanggan yang berjanji membayar hutang bank Islam pada tempoh tertentu, tetapi melanggar janjinya. sebagai tindakan susulan, bank dibenarkan bertindak dengan mengenakan penalti seperti hukuman merampas.

- Hukuman ta'zir (denda) ke atas pesalah seperti orang berduit tetapi sengaja melewati bayaran hutang terpulang kepada ijtihad hakim atau pemerintah, tanpa terhad kepada hukuman dalam bentuk tertentu sa-

**JIKA** anda mempunyai sebarang kemusykilan berhubung muamalat, sila ajukan kepada kami. Iktisad sedia membimbing anda. Hantarkan surat atau e-mel yang mempunyai nama, alamat, nombor telefon atau emel kepada:

Alamatkan kemusykilan anda ke:

**Editor Iktisad,  
No. 11C, Jalan SG3/17  
Pusat Bandar Sri Gombak  
68100 Batu Caves  
Selangor D.E.**

atau melalui e-mail:  
**editoriktisad@gmail.com**

haja, hukuman boleh datang dalam bentuk denda kewangan dan juga lain-lainnya.

Malah terdapat riwayat silam yang menunjukkan pemerintah Islam pernah mengurung individu sebegini sehingga ia membayar hutangnya [2]. Ringkasnya, hukuman seperti disenaraihitamkan nama, dirampas pasportnya, dirampas hartanya dan dijual untuk menyelesaikan hutang adalah dibenarkan oleh Islam.

## **Kumpulan Kedua: Mengharuskan penalti bentuk wang tetapi disalurkan kepada kebajikan**

Kumpulan ini seperti kumpulan pertama dari sudut mengharuskan penalti bentuk wang dikenakan ke atas pelanggan yang lewat membayar hutangnya, namun semua jumlah yang terkumpul dari penalti ini tidak boleh dimanfaatkan oleh pihak bank. Semua jumlah tersebut mestilah diberikan kepada kebajikan awam atau faqir miskin.

Antara yang berpegang dengan fatwa ini adalah Dr Abd Sattar Abu Ghuddah, dan ia turut diputuskan oleh Majlis Syariah AAOIFI bagi produk Mu-

rabahah. Fatwa AOOIFI menyatakan:-

"Harus dimasukkan dalam mana-mana kontrak yang bersifat hutang seperti Murabahah, bahawa orang yang berhutang di ketika berlaku kelewatan bayaran hutang sedangkan ia mampu, dia akan menyedeqahkan satu jumlah atau nisbah tertentu dengan syarat jumlah tersebut diserahkan kepada kebajikan." [3]

Pandangan ini dipegang oleh majoriti ahli Majlis Kesatuan Fiqh Sedunia. Hujah bagi kumpulan ini adalah:

- Konsep sedeqah duit (ta'widh atau compensation) kepada badan kebajikan atau faqir miskin adalah dibuat atas konsep Iltizam at-tabarru' yang disebut di dalam kitab fiqh mazhab Maliki. Sebagaimana kata Imam Malik:

"Dan perkara yang baik (ma'ruf) sesiapa yang mewajibkan (berjanji) untuk ditunaikannya, wajib (lazim) untuknya menunaikannya." [4]

Ia bermakna semua pelanggan memberikan komitmen jika ia gagal memenuhi janji untuk membuat pembayaran hutangnya kepada bank dalam waktu yang telah dipersetujui. Ia berjanji akan bersedekah dan melantik pihak bank untuk mengagihkannya.

- Riba hanya akan berlaku apabila pemberi pinjam (atau dalam konteks kontrak jual beli) penjual sendiri yang mengambil wang penalti tadi, yang hutang pelanggan bertambah kerana lewat bayar. Iaitu Riba al-Jahiliyah dan juga an-Nasihah.

Namun demikian jika jumlah penalti diserahkan kepada pihak ketiga dan kebajikan, ia tidak lagi menjadi riba menurut kumpulan ulama ini.

Di kebanyakan bank Islam yang mengamalkan fatwa ini, jabatan Syariah dan majlis penasihat Syariah akan memantau. Malah keputusan majlis penasihat Syariah juga mewajibkan akaun yang diasingkan bagi tujuan ini. Hasilnya, setiap jumlah yang terkumpul daripada ta'widh akan terus masuk ke akaun khas seperti 'charity' (kebajikan) contohnya. Ia pula tidak boleh disalurkan kepada 'charity' kecuali setelah disahkan layak oleh majlis penasihat Syariah. Ini bagi mengelakkan berlakunya pilih kasih dan kronisme dalam

pembahagian.

Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa buah bank Islam di Malaysia mengambil pandangan ulama yang lebih ringan, iaitu mereka tidak menghadkan penggunaan wang ta'widh (compensation) kepada faqir miskin sahaja. Justeru, sebahagian bank Islam mengambilnya dan digunakan untuk kegunaan mereka sebagaimana kumpulan pertama. Perkara ini mungkin telah disahkan harus oleh majlis penasihat Syariah masing-masing.

#### **Kumpulan ketiga: Penalti tidak harus sama sekali (bold)**

Antara ulama yang terkuat mengempen pandangan ini adalah Dr Nazih Hammad, Dr Md Ali El-Gari dan lain-lain dengan pelbagai hujah juga. Hujahnya adalah [5] :-

- Penalti disebabkan lewat bayar adalah riba.
- Menolak konsep rampasan tadi kerana hujah yang mengatakan pihak mangsa boleh mendapat untung dan manfaat kiranya ia mendapat hartanya kembali dalam waktu yang sepatutnya adalah andaian semata-mata. Terdapat kemungkinan besar juga dia tidak langsung memanafaatnya atau mungkin berpotensi untuk rugi jika diperolehi hartanya. Justeru menggunakan hujah ini tidak kukuh.

#### **Kesimpulan**

Setelah membaca dan merujuk hujah-hujah setiap kumpulan serta melihat kepada keadaan dan konteks semasa, saya cenderung kepada pandangan

kumpulan kedua.

Pandangan kumpulan ketiga juga amat baik, namun untuk bertindak sedemikian dalam konteks semasa, sudah tentu ada antaranya yang sesuai manakala tidak sebahagian lainnya. Memandangkan lemah sifat amanah manusia untuk membayar hutang mereka dewasa ini dan bagi menyekat mudarat besar daripada berlaku kepada bank-bank Islam dan juga pemiutang, apabila bayaran ansuran yang dijanjikan tidak dilangsaikan pada waktunya, ta'widh (gantirugi) akan dikenakan.

Bagi fatwa di Malaysia, isu ini dibawa ke persidangan ilmuan Syariah di peringkat Malaysia khususnya Bank Negara Malaysia. Hasilnya keputusannya menyebut, bagi menyekat kecuaiannya sengaja ini, maka diharuskan mengenakan denda ta'widh dengan syarat ia adaah kerugian sebenar yang ditanggung oleh pemiutang. Penentuan kadar rugi ini akan ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. [6] Selain itu hanya kadarnya adalah 1 peratus sahaja dan ia tidak bersifat 'compounding'.

Pembaca perlu faham bahawa penalti yang dikenakan oleh bank konvensional adalah 'compounding' iaitu penalti ini akan dimasukkan dalam jumlah pinjaman dan jika kena penalti lagi, maka peratusan penalti akan disandarkan kepada jumlah pinjaman asal yang ditambahkan dengan penalti. Ini zalim dan amat menindas. - [www.zaharuddin.net](http://www.zaharuddin.net) ■

